

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Welcome Centre
Sent: Monday, 14 August, 2017 4:51 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students; Staf - Pesara UUM
Subject: ANUGERAH EMAS TANDAS BERSIH, HATI EMAS DAPAT SEKALUNG TERIMA KASIH



14 OGOS 2017 / 21 ZULKAEDAH 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: H. Rasidah H. Rodzi
Gambar oleh: Anjung Tamu

ANUGERAH EMAS TANDAS BERSIH, HATI EMAS DAPAT SEKALUNG TERIMA KASIH



**TANDAS
BERSIH**
TETAMU SELESA
Clean Toilets
**HAPPY
GUESTS**



ANJUNG TAMU ONLINE: Orang ramai terutamanya warga UUM perlu memiliki kesedaran berhubung kepentingan menjaga kebersihan tandas awam sepertimana yang terdapat di UUM Welcome Centre sekaligus sebagai lokasi kawasan Rehat & Rawat (R&R) UUM.

Sebaik sahaja UUM dinobatkan sebagai Johan Anugerah Emas Pertandingan Tandas Bersih Peringkat Daerah Kubang Pasu 2017 baru-baru ini, kesedaran mengenai kepentingan penjagaan kebersihan ini perlu dipertingkatkan dan dipraktikkan oleh semua pihak.

Malah, “Kebersihan dilihat sebagai antara perkara penting dalam kehidupan seharian kita,” kata salah seorang staf Uni Clean & Hygiene yang bertanggungjawab membersihkan tandas di UUM Welcome Centre, Minah Wi atau lebih popular dengan panggilan Mak Su.

“Tidak semua orang sanggup mencuci tandas.”

“Kerja adalah suatu ibadah,” tambah Mak Su lagi dalam majlis menghargai staf yang bertungkus lumus membersihkan tandas dan persekitaran UUM Welcome Centre setiap hari.

Apabila bercakap tentang tandas di pelbagai lokasi tandas awam dapatlah kita membuat pelbagai versi persepsi mengenai tandas-tandas awam di Malaysia ini. Malah, Hari Tandas Sedunia yang disambut pada setiap tahun perlu diamati dan dihayati dengan positif untuk memastikan bahawa kehidupan kita sentiasa bersih dan terpelihara daripada penyakit disebabkan oleh tandas yang kotor.

Sejajar dengan itu, *tagline* UUM di Rimba Hijau turut mengetengahkan konsep penjimatan seperti penjimatan tenaga air di tandas. Selain UUM menyediakan kemudahan tandas untuk golongan kurang upaya (OKU) agar mendapat keselesaan, kemudahan beristirehat dan surau juga disediakan di UUM Welcome Centre.

Walau apa juga persepsi umum, aspek tanggungjawab bersama dalam melihat kepentingan kebersihan sebagai gaya hidup dan tandas merupakan salah satu daripada aspek penting untuk dijaga bagi memastikan kehidupan kita bersih dan terhindar daripada sebarang penyakit.

Pada kesempatan ini, UUM Welcome Centre mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Jabatan Pembangunan dan Penyenggaraan (JPP), Uni Clean & Hygiene, jiran terdekat Jabatan Keselamatan serta semua pihak yang terlibat dalam membentuk kerjasama dan sikap positif menjaga kebersihan tandas sehingga berjaya menaikkan imej UUM.

=====

DARIPADA:
ANJUNG TAMU
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
CANSELORI
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
TEL.: 04-928 3044/3050/3051/3098
FAKS: 04-928 3095
E-MEL: welcome_centre@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.